

03/10/1998

Zahid letak jawatan (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, tetapi memberi jaminan akan tetap menjadi ahli Umno.

Malah, Zahid berjanji menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan perkara sebenar demi kepentingan parti, orang Melayu dan seluruh rakyat.

"Saya akan membantu parti dengan menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan perkara sebenarnya yang selama ini berlaku," katanya pada sidang akhbar pertamanya sejak dibebaskan tanpa syarat daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) Rabu lalu.

Beliau ditahan sehari selepas Anwar ditangkap mengikut ISA pada 20 September berikutan kekecohan yang dicituskan penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri itu di beberapa tempat di ibu kota.

Bagaimanapun, Zahid dalam sidang akhbar khas di ibu pejabat Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, menegaskan beliau tidak pernah terbabit dan tidak akan terbabit dalam gerakan reformasi yang dipelopori Anwar.

"Saya juga tidak pernah terbabit dalam mana-mana road show atau rusuhan," katanya sambil menjelaskan penahanannya dibuat mengikut Perkara 73(1) ISA bagi mengetahui sama ada beliau menggerakkan Pemuda Umno untuk menentang kerajaan.

Zahid juga menegaskan keputusannya meletak jawatan tiada kaitan dengan memorandum 'tidak percaya' yang dihantar Exco Pemuda kepada Majlis Tertinggi (MT) atau desakan Ketua Pemuda negeri dan pemimpin Umno bahagian serta cawangan.

"Keputusan itu saya buat atas kesedaran ia adalah untuk kebaikan Pergerakan Pemuda dan saya melihatnya sebagai satu pengorbanan terakhir saya sebagai ketua dan sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab.

"Saya rasa peletakan jawatan itu adalah sesuatu yang harus saya lakukan walaupun saya yakin proses demokrasi harus menjadi tunggak utama menentukan kedudukan saya," katanya yang memenangi jawatan Ketua Pemuda pada pemilihan parti 1996.

Menurut Zahid, beliau menghantar dua surat kepada Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu pada 29 September untuk memaklumkan hasratnya meletak jawatan.

"Surat pengesahan peletakan jawatan pula bertarikh 1 Oktober dan saya menyatakan kepada Presiden bahawa keputusan itu muktamad," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan kedudukannya sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) serta Ahli Parlimen dan Ketua Umno Bahagian Bagan Datoh.

Dalam sidang akhbar singkat selama 10 minit itu, Zahid juga enggan menjawab sebarang pertanyaan pemberita.

Sebelum mengakhiri sidang akhbar itu, Zahid meminta maaf kepada Exco Pemuda, Ketua Pemuda negeri dan semua ahli termasuk di peringkat akar umbi jika kenyataan atau perkara yang dilakukannya selama ini tidak menyenangkan mereka.

Zahid juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan ibu pejabat Pemuda dan Barisan Nasional yang memberi kerjasama baik kepadanya selama ini.

Beliau berharap sokongan yang sama diberi kepada Naib Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein, yang akan memangku jawatan Ketua Pemuda.

"Hishammuddin akan mengambil alih kedudukan saya dalam mesyuarat MT akan

datang. Saya harap kegiatan yang telah dirancang, akan diterima pakai sebagai kegiatan Pemuda.

"Jangan anggap apa yang kita sama-sama putuskan itu merosakkan atau perlu diubah dan saya harap keputusan yang dibuat kali ini dihormati semua pihak," katanya.

Zahid berkata, sepanjang penahanannya mengikut ISA selama 10 hari beliau dilayan dengan baik sama ada di lokap polis Kota Kinabalu atau kem tahanan di ibu kota.

(END)